


SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!



Khairy Jamaluddin

# Guru dan pengamal media akan dipertimbang terima vaksin bagi fasa pertama

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR 21 Februari 2021, 12:27 pm

SEPANG – Guru dan pengamal media adalah antara kumpulan yang dipertimbangkan bagi menerima vaksin fasa pertama menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang akan bermula Rabu ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin berkata, agihan itu bagaimanapun tertakluk kepada bekalan vaksin yang diperoleh negara bagi fasa pertama dan kajian risiko yang dilaksanakan.

Beliau berkata, permohonan vaksin bagi guru adalah wajar memandangkan sekolah sudah mula dibuka pada Mac ini.

"Kami terima banyak permintaan daripada kumpulan-kumpulan yang mahu mereka dimasukkan dalam fasa pertama PICK ini.

"Kita akui bekalan vaksin bagi fasa pertama tidak banyak kerana kita hanya ada satu juta dos yang mana 500,000 dos sudah diperuntukkan kepada barisan hadapan termasuk kakitangan kesihatan dan pasukan keselamatan," katanya pada sidang akhbar selepas menyambut ketibaan kumpulan pertama bekalan vaksin Covid-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), pagi ini.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

Katanya, beliau sudah berbincang dengan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengenai permohonan itu dan ia akan dibawa pada mesyuarat

Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengenai permohonan itu dan ia akan dibawa pada mesyuarat Jawatankuasa Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) Covid-19 minggu depan.

Khairy berkata, beliau juga sudah meminta Menteri Kanan (Pendidikan), Datuk Dr Radzi Jidin untuk menyenaraikan guru-guru berkenaan dan keutamaan adalah kepada yang berdepan risiko kesihatan jika dijangkiti Covid-19. -K! ONLINE.









POPULAR



**Sarjan antara empat direman kes rasuah**

21 Februari 2021, 4:16 pm



**Lelaki tersangkut dengan kucing atas pokok**

21 Februari 2021, 4:08 pm



**Tujuh petugas kaunter JPJ Johor ditahan SPRM**

21 Februari 2021, 4:06 pm

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU




Agong zahir kesyukuran pemasyuran Kuantan Bandaraya

21 Februari 2021, 4:00 pm




BERITA BERKAITAN




Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

### Agong zahir kesyukuran pemasyuran Kuantan Bandaraya

21 Februari 2021, 4:00 pm



### Kapten Hamdan individu penting bawa pulang vaksin ke Malaysia

21 Februari 2021, 3:54 pm




### [VIDEO] Cabaran DHL jaga suhu vaksin

21 Februari 2021, 2:51 pm



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU



[VIDEO] 571,802 frontliners berdaftar sebagai penerima vaksin Covid-19

21 Februari 2021, 12:22 pm

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.